



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI PENDAPATAN ATAS
CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
BAHAGIAN I - PERBELANJAAN**

KETETAPAN UMUM NO. 1/2017

TARIKH PENERBITAN: 8 JUN 2017



Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2017 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula Secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	1
5. Konsep Asas Cukai Barang dan Perkhidmatan	3
6. Peruntukan Cukai Pendapatan Berkaitan Cukai Barang dan Perkhidmatan	11
7. Layanan Cukai Pendapatan bagi Perbelanjaan Cukai Barang dan Perkhidmatan yang Dilakukan Atas Perolehan Barang dan Perkhidmatan	13
8. Cukai Output	29
9. Mekanisma Caj Balikan bagi Perkhidmatan Import	30
10. Isu-Isu Lain Berhubung Cukai Barang dan Perkhidmatan	33
11. Dokumen yang Diperlukan	34
12. Perakuan	34
13. <i>Disclaimer</i>	34
Lampiran 1	35
Lampiran 2	37

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai yang diberikan kepada seseorang berhubung dengan cukai barang dan perkhidmatan (CBP) yang dibayar atau perlu dibayar sebagai –

- (a) cukai input atas pembelian atau perolehan barang dan perkhidmatan selain daripada aset modal oleh seseorang jika dia berdaftar atau bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (ACBP); dan
- (b) cukai output ke atas jualan barang dan perkhidmatan yang ditanggung oleh seseorang jika dia berdaftar atau bertanggung untuk berdaftar di bawah ACBP.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, subseksyen 33(1), 39(1) dan 91(6).
- 2.3 ACBP 2014 dan undang-undang subsidiari yang berkaitan.

3. Tafsiran

Perkataan-perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Cukai input” mempunyai maksud yang sama yang diberikan kepadanya dalam ACBP. Dalam bahasa yang mudah, cukai input merujuk kepada CBP yang kena dibayar atas belian dan pengimportan perniagaan.
- 3.2 “Cukai output” mempunyai maksud yang sama yang diberikan kepadanya dalam ACBP. Dalam bahasa yang mudah, cukai output adalah CBP yang dikenakan ke atas jualan (inventori, aset modal dan lain-lain), pembekalan yang disifatkan dan perkhidmatan yang diimport.
- 3.3 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.


4. Pengenalan

- 4.1 CBP diperkenalkan mulai dari 1.4.2015 di bawah ACBP. CBP adalah cukai tidak langsung atas penggunaan domestik barang dan perkhidmatan yang diberikan di Malaysia dan pengimportan barang dan perkhidmatan. CBP adalah suatu cukai berperingkat dan bayaran dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Semua pembekalan

barang dan perkhidmatan dalam perjalanan atau penerusan apa-apa perniagaan di Malaysia adalah tertakluk kepada CBP melainkan dikecualikan oleh undang-undang.

- 4.2 Seseorang yang berdaftar di bawah ACBP adalah dirujuk sebagai orang berdaftar (orang berdaftar CBP). Seorang orang berdaftar CBP dikehendaki untuk mengenakan CBP (cukai output) atas jualan barang dan perkhidmatan kepada pelanggannya. CBP dikutip oleh orang berdaftar CBP bagi pihak kerajaan dan diakaunkan kepada JKDM. Seorang orang berdaftar CBP dibenarkan untuk menuntut balik apa-apa CBP (cukai input) yang dibayar atau perlu dibayar atas barang dan perkhidmatan yang dibeli daripada orang berdaftar CBP yang lain serta CBP ditanggung atas barang dan perkhidmatan yang diimport, jika perolehan barang dan perkhidmatan tersebut digunakan untuk membuat pembekalan bercukai atau pembekalan yang disifatkan. Jika cukai output melebihi cukai input, perbezaan itu dibayar kepada kerajaan. Sebaliknya, jika cukai input melebihi cukai output, bayaran balik perlu dibuat oleh JKDM.

Ringkasan bagaimana CBP berfungsi



5. Konsep Asas Cukai Barang dan Perkhidmatan

5.1 Pengenaan dan skop CBP – Pengenaan CBP atas jualan barang dan perkhidmatan

5.1.1 orang berdaftar di Malaysia dikehendaki untuk mengenakan CBP ke atas apa-apa pembekalan barang dan perkhidmatan jika ia adalah:

- (a) **pembekalan bercukai** (berkadar standard atau berkadar sifar);
- (b) dalam perjalanan atau penerusan apa-apa **perniagaan**;
- (c) dibuat oleh **orang kena cukai** (orang berdaftar CBP); dan
- (d) dibuat di **Malaysia**.

5.1.2 CBP juga dikenakan dan dilevi atas semua:

- (a) **barang yang diimport** kecuali barang yang diberi pelepasan atau disimpan di gudang berlesen, kawasan ditetapkan atau zon komersial bebas, atau Skim Pedagang Diluluskan; dan
- (b) **perkhidmatan yang diimport** diperolehi bagi maksud perniagaan kecuali pembekalan perkhidmatan yang dikecualikan.

5.2 Pembekalan barang dan perkhidmatan

5.2.1 Pembekalan bermaksud:

- (a) semua bentuk pembekalan barang dan perkhidmatan termasuk pembekalan perkhidmatan yang diimport yang dilakukan untuk balasan. Balasan yang diterima boleh dalam bentuk wang atau bukan wang;
- (b) pembekalan barang melibatkan pemindahan hak milik barang (harta alih dan harta tak alih) daripada seseorang kepada seseorang yang lain; atau
- (c) pembekalan perkhidmatan iaitu penyediaan perkhidmatan termasuk pemberian, peletakhakan atau penyerahan apa-apa hak atau penyediaan apa-apa kemudahan atau manfaat. Contohnya seperti pinjaman barang, penyewaan barang, penyediaan perkhidmatan telekomunikasi dan perkhidmatan profesional.

5.2.2 Jenis pembekalan

(a) Pembekalan bercukai

Pembekalan bercukai merujuk kepada pembekalan barang dan perkhidmatan selain daripada pembekalan dikecualikan dan pembekalan di luar skop. Pembekalan bercukai adalah sama ada:

- (i) berkadar standard (kadar cukai semasa adalah 6%). Contoh pembekalan tersebut adalah pembekalan barang dan perkhidmatan tempatan seperti jualan harta dan perabot komersial; atau
- (ii) berkadar sifar (kadar cukai adalah 0%). Pembekal tidak memungut apa-apa CBP atas jualan barang dan perkhidmatan tetapi dianggap sebagai membuat pembekalan bercukai dan layak menuntut CBP yang dibayar atau perlu dibayar atas barang dan perkhidmatan yang diperoleh atau diimport oleh beliau (cukai input). Contoh pembekalan tersebut adalah hasil pertanian dan pembekalan 300 unit pertama elektrik sebulan untuk pengguna domestik.

(b) Pembekalan dikecualikan

Pembekalan dikecualikan ialah pembekalan yang tidak dikenakan CBP. Pembekal tidak boleh memungut CBP ke atas jualan pembekalan dikecualikan dan tidak boleh menuntut kredit cukai input dibayar atau perlu dibayar ke atas perolehan yang dibeli. Contoh pembekalan perkhidmatan dikecualikan adalah pengangkutan domestik penumpang bagi pengangkutan awam iaitu kereta api, bas, teksi dan tol lebuhraya.

(c) Pembekalan di luar skop

Pembekalan di luar skop adalah pembekalan di luar skop perundangan CBP dan CBP tidak terpakai atas pembekalan tersebut. Contoh pembekalan tersebut adalah pembekalan barang yang tidak dibuat di Malaysia, pembekalan bukan perniagaan dan pembekalan perkhidmatan yang dibuat oleh seseorang yang tempatnya bukan di Malaysia selain daripada perkhidmatan yang diimport. ACBP menetapkan bahawa tiada cukai boleh dikenakan atas apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan yang dibuat dalam atau antara kawasan ditetapkan melainkan Menteri mengarahkan selainnya dalam suatu perintah.

(d) Pembekalan diabaikan

Pembekalan diabaikan adalah pembekalan bercukai yang diabaikan bagi tujuan CBP. Contoh pembekalan tersebut adalah apa-apa pembekalan di antara syarikat berdaftar CBP sebagai suatu kumpulan dan pembekalan perkhidmatan oleh penyedia tol yang diluluskan kepada syarikat utama di luar negara. Apa-apa CBP yang ditanggung atas pembelian yang digunakan untuk membuat pembekalan diabaikan boleh dituntut sebagai kredit cukai input.

5.2.3 Pembekalan yang disifatkan

Barang dan perkhidmatan mungkin dibekalkan tanpa bayaran. Transaksi tersebut boleh disifatkan sebagai suatu pembekalan. Contohnya adalah pelupusan aset perniagaan tanpa balasan, hadiah yang bernilai lebih daripada lima ratus ringgit (RM500), penggunaan peribadi aset perniagaan, perkhidmatan yang diimport dan barang yang dijual untuk menjelaskan hutang. Invois cukai adalah tidak wajib dikeluarkan bagi pembekalan yang disifatkan.

5.3 Dalam perjalanan atau penerusan apa-apa perniagaan

Dalam perjalanan atau penerusan apa-apa perniagaan merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan berkaitan dengan perniagaan sama ada secara langsung (contohnya jualan atau perdagangan stok atau penyediaan perkhidmatan) atau sampingan (contohnya mendapatkan kembali perbelanjaan daripada syarikat berkaitan).

5.4 Pendaftaran CBP

5.4.1 Seseorang yang menjalankan perniagaan membuat pembekalan bercukai dan mempunyai pembekalan bercukai tahunan melebihi RM500,000 perlu mendaftar di bawah ACBP. Penentuan pembekalan bercukai tahunan adalah tertakluk kepada peruntukan ACBP.

5.4.2 Seseorang yang menjalankan perniagaan membuat pembekalan bercukai boleh memohon pendaftaran secara sukarela walaupun nilai pembekalan bercukai tidak melebihi nilai ambang yang ditetapkan. Pendaftaran CBP adalah tertakluk kepada kelulusan oleh Ketua Pengarah Kastam. Seseorang yang secara sukarela mendaftar untuk CBP berhak untuk mengkreditkan CBP yang dibayar atau perlu dibayar atas pembelian sebagai kredit cukai input dan mengenakan CBP atas pembekalannya sebagai cukai output.

5.5 Orang kena cukai

5.5.1 Orang kena cukai adalah orang yang berdaftar di bawah ACBP atau dikehendaki berdaftar untuk CBP di bawah ACBP. Orang kena cukai adalah orang yang-

- (a) membuat pembekalan bercukai di Malaysia; dan
- (b) dalam tempoh dua belas bulan, mencapai melebihi nilai ambang perolehan bercukai yang ditetapkan (nilai pembekalan bercukai tidak termasuk jumlah CBP) sebanyak RM500,000.

Walau bagaimanapun, jika seseorang tidak mencapai nilai ambang perolehan bercukai tahunan yang ditetapkan tetapi mendaftar secara sukarela untuk CBP, dia juga merupakan orang kena cukai.

5.5.2 Seseorang yang membuat pembekalan bercukai berkadar sifar sepenuhnya perlu berdaftar untuk CBP jika nilai perolehan bercukai tahunan melebihi nilai ambang yang ditetapkan.

5.5.3 Permintaan daripada seseorang untuk dikecualikan daripada pendaftaran boleh diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam. Rasional bagi pengecualian sedemikian adalah untuk memberikan pelepasan kepada seseorang disebabkan kos pematuhannya mungkin melebihi manfaat menuntut kredit cukai input. Seseorang yang telah dikecualikan daripada pendaftaran tidak layak untuk menuntut kredit cukai input daripada JKDM atas apa-apa CBP yang ditanggung atas pembelian.

5.6 Dibuat di Malaysia

CBP hendaklah dikenakan atas semua pembekalan bercukai bagi barang atau perkhidmatan jika pembekalan itu dibuat di Malaysia. Pembekalan yang tidak dibuat di Malaysia adalah dianggap sebagai di luar skop CBP. Perkhidmatan dikira sebagai dibekalkan di Malaysia jika penyedia perkhidmatan (pembekal) berada di Malaysia. Seorang pembekal berada di Malaysia jika:

- (a) ia mempunyai di Malaysia suatu establismen perniagaan atau establismen tetap dan tiada establismen sedemikian di tempat lain;
- (b) ia tidak mempunyai establismen perniagaan atau establismen tetap di mana-mana negara tetapi tempat tinggal biasanya adalah di Malaysia; atau
- (c) ia mempunyai establismen perniagaan atau suatu establismen tetap di Malaysia dan di negara lain dan establismennya yang paling berkaitan secara langsung dengan pembekalan itu adalah di Malaysia.

5.7 Barang dan Perkhidmatan yang diimport

5.7.1 Barang yang diimport

- (a) Secara umumnya, semua barang yang diimport ke Malaysia adalah tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, barang tertentu yang diimport oleh seseorang atau kelas orang diberi pelepasan dari pembayaran CBP semasa pengimportan di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 (P.U.(A) 273/2014).
- (b) Seorang pengimport yang merupakan orang kena cukai akan layak untuk mendapat kembali CBP yang dibayar atas import tertakluk kepada peraturan biasa. CBP yang ditanggung atas import boleh didapatkan balik dengan mengkreditkan jumlah yang dibenarkan terhadap cukai output yang dikenakan atas pembekalan bercukainya.

5.7.2 Perkhidmatan yang diimport

Menurut ACBP, perkhidmatan yang diimport bermaksud perkhidmatan yang dibuat oleh seorang pembekal dari suatu negara selain Malaysia atau yang menjalankan suatu perniagaan di luar Malaysia kepada seorang penerima di Malaysia dan perkhidmatan itu digunakan di Malaysia. Perkhidmatan yang diimport termasuk harta tidak ketara dan harta intelek seperti cap dagangan, hak, paten, lesen, nama baik dan lain-lain.

5.8 Tempoh bercukai

Seorang orang kena cukai mesti menfailkan penyata CBP mengikut keperluan ACBP. Setiap orang kena cukai diberi suatu tempoh bercukai (bulanan atau suku tahun) yang mana dia dikehendaki mengakaunkan cukai input dan output dalam penyatanya.

5.9 Mekanisma CBP

Walaupun CBP akan dibayar sepanjang rantai proses pengeluaran dan pengedaran, pada akhirnya ia disalurkan kepada pengguna akhir. CBP sendiri bukanlah suatu kos kepada perantara dan tidak muncul sebagai suatu item perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

Mekanisma Pembekalan Berkadar Standard

	Harga Belian	Harga Jualan	CBP Kena Dibayar kepada JKDM
	RM	RM	RM
Pengilang	1,000	2,000	
- CBP dibayar @ 6%	60		
- CBP dipungut @ 6%		120	60 (120 – 60)
Pemborong	2,000	4,000	
- CBP dibayar @ 6%	120		
- CBP dipungut @ 6%		240	120 (240 – 120)
Peruncit	4,000	8,000	
- CBP dibayar @ 6%	240		
- CBP dipungut @ 6%		480	240 (480 – 240)
Kos kepada pengguna		8,480	

Mekanisma Pembekalan Berkadar Sifar

	Harga Belian	Harga Jualan	CBP yang Boleh Dituntut daripada JKDM
	RM	RM	RM
Pengilang	1,000	2,000	
- CBP dibayar @ 6%	60		60
- CBP dipungut @ 0%		0	
Pemborong	2,000	4,000	
- CBP dibayar @ 6%	0		
- CBP dipungut @ 0%		0	0
Peruncit	4,000	6,000	
- CBP dibayar @ 6%	0		
- CBP dipungut @ 0%		0	0
Kos kepada pengguna		6,000	

Mekanisma Pembekalan Dikecualikan

	Harga Belian	Harga Jualan	CBP yang Boleh Dituntut daripada JKDM
	RM	RM	RM
Pembekal	1,000	2,000	
- CBP dibayar @ 6%	60		0
- CBP (dikecualikan)		0	0
Hospital Swasta	2,000	4,000	
- CBP (dikecualikan)	0		
- CBP (dikecualikan)		0	0
Kos kepada pengguna		4,000	

5.10 Cukai input

5.10.1 Kredit cukai input dan kelayakan untuk menuntut

- (a) Cukai input ialah CBP yang dibayar atau perlu dibayar atas apa-apa pembelian atau perolehan barang atau perkhidmatan oleh orang kena cukai untuk tujuan membuat pembekalan bercukai dalam apa-apa perniagaan yang dijalankan atau akan dijalankan oleh orang kena cukai. Cukai input dibenarkan sebagai suatu kredit untuk ditolak daripada cukai output yang kena dibayar kepada JKDM.
- (b) Walau bagaimanapun, dalam kes pembekalan berkadar sifar di mana tiada cukai output kena dibayar kepada JKDM pada akhir suatu tempoh bercukai, cukai input akan dibayar balik oleh JKDM kepada orang kena cukai. Cukai input boleh dituntut seperti berikut:

Jenis Pembekalan	Cukai Output	Cukai Input
Berkadar standard	6%	Boleh dituntut
Berkadar sifar	0%	Boleh dituntut
Dikecualikan	Tiada CBP dikenakan	Tidak boleh dituntut
Pembekalan diberi pelepasan ¹	Tiada	Boleh dituntut

Jenis Pembekalan	Cukai Output	Cukai Input
Di luar skop	Tidak terpakai	Tidak boleh dituntut kecuali dibenarkan oleh peruntukan ACBP dan perundangan CBP

¹Pembekalan diberi pelepasan

Menteri Kewangan diberi kuasa untuk melepaskan mana-mana orang atau golongan orang daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai yang boleh dikenakan dan dilevi ke atas apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan atau apa-apa pengimportan barang atau kelas barang.

5.10.2 Kegunaan untuk perniagaan dan bukan perniagaan

CBP yang ditanggung boleh dituntut jika barang dan perkhidmatan digunakan atau akan digunakan bagi tujuan apa-apa perniagaan yang dijalankan atau akan dijalankan oleh orang kena cukai. Tiada tuntutan boleh dibuat atas CBP jika barang dan perkhidmatan adalah untuk kegunaan bukan perniagaan.

5.10.3 Skim kadar rata

- (a) Skim kadar rata adalah suatu skim yang membolehkan seorang petani atau nelayan yang tidak bertanggung untuk berdaftar dan menjalankan suatu perniagaan yang melibatkan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan seperti penanaman tanaman, penternakan atau perikanan untuk mendapat kembali CBP yang termasuk dalam pembelian beliau. Seseorang yang diluluskan untuk menggunakan skim ini (orang yang diluluskan) boleh memasukkan suatu tambahan kadar rata dalam balasan apabila membuat pembekalan kepada mana-mana orang berdaftar CBP. Tambahan kadar rata ini boleh dikenakan ke atas pembekalan bercukai termasuk pembekalan berkadar sifar yang dibuat kepada orang berdaftar CBP. Orang berdaftar CBP (penerima pembekalan) boleh menuntut tambahan kadar rata ini sebagai cukai inputnya.
- (b) Di bawah skim kadar rata, orang yang diluluskan tidak perlu meremitkan tambahan kadar rata yang dipungut kepada JKDM dan tidak perlu mengemukakan penyata CBP. Dia tidak dibenarkan menuntut cukai input yang ditanggung atas beliannya. Apabila perolehan seorang yang diluluskan melebihi

had nilai ambang yang ditetapkan, skim kadar rata tidak terpakai kepada beliau lagi.

5.11 Cukai input disekat

CBP yang ditanggung oleh orang kena cukai berkaitan pembekalan barang dan perkhidmatan tertentu yang dikecualikan daripada apa-apa kredit di bawah CBP sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam. Sila rujuk kepada Peraturan-Peraturan berkaitan untuk maklumat lanjut.

6. Peruntukan Cukai Pendapatan yang Berkaitan dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan

6.1 Cukai input dan cukai output

6.1.1 Pada amnya, di bawah subseksyen 33(1) ACP, jika seseorang membeli atau memperoleh barang atau perkhidmatan bagi tujuan perniagaannya, perbelanjaan yang dilakukan semata-mata dan sepenuhnya dalam menghasilkan pendapatan kasar dari suatu punca boleh diberi potongan daripada jumlah pendapatan kasar punca itu. **Walau bagaimanapun, perbelanjaan yang boleh diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP adalah tertakluk kepada larangan spesifik di bawah subseksyen 39(1) ACP.**

6.1.2 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2015, perenggan 39(1)(o) dan 39(1)(p) ACP diperkenalkan untuk menangani layanan terhadap CBP berhubung dengan perolehan barang dan perkhidmatan untuk tujuan membuat pembekalan di bawah ACBP.

6.1.3 Layanan cukai bagi cukai input dan cukai output berhubung dengan perolehan barang dan perkhidmatan untuk tujuan membuat pembekalan bercukai adalah seperti berikut:

(a) CBP yang dibayar atau perlu dibayar sebagai cukai input oleh seseorang yang-

(i) berdaftar di bawah ACBP dan layak menuntut kredit cukai input; atau

(ii) bertanggung untuk berdaftar di bawah ACBP tetapi gagal berbuat demikian,

cukai input tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(o) ACP.

(b) CBP yang dibayar atau perlu dibayar sebagai cukai output yang ditanggung oleh orang berdaftar atau bertanggung untuk berdaftar di bawah ACBP tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(p) ACP.

6.2 Pelarasan kepada cukai input oleh JKDM

6.2.1 Jika audit dijalankan oleh JKDM ke atas orang berdaftar CBP dan jika didapati ada suatu kesilapan dalam tuntutan kredit cukai input, dan pelarasan berikut dibuat oleh JKDM:

- (a) kredit cukai input yang dituntut tidak boleh dituntut daripada JKDM; atau
- (b) kredit cukai input yang pada mulanya tidak dituntut daripada JKDM sebenarnya boleh dituntut daripada pihak JKDM.

6.2.2 Pelarasan di atas akan mempunyai kesan kepada potongan CBP yang dilakukan di bawah ACP.

6.2.3 Mengikut subseksyen 91(6) ACP, jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pelarasan dibuat berhubung CBP yang dibayar atau perlu dibayar sebagai cukai input di bawah ACP, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) **boleh pada bila-bila masa**, mengambil tindakan jika perlu kepada pelarasan tersebut dengan:

- (i) membuat suatu taksiran atau suatu taksiran kurangan untuk tahun taksiran di mana pelarasan itu berkait; atau
- (ii) jika tahun di mana pelarasan itu berkait tidak dapat ditentukan, KPHDN akan mengambil tindakan ke atas pelarasan tersebut dalam tahun taksiran KPHDN menemui pelarasan itu.

6.3 Pelarasan kepada cukai output oleh JKDM

6.3.1 Pelarasan berikut boleh dibuat oleh JKDM semasa menjalankan audit:

- (a) cukai output ditaksir oleh JKDM kerana cukai output terkurang lapor (seperti kegagalan mengakaunkan cukai output ke atas pembekalan disifatkan yang mana hadiah barang yang diberikan kepada kakitangan atau pelanggan melebihi RM500 atau caj balikan tidak dilaksanakan ke atas pengimportan perkhidmatan oleh orang berdaftar CBP dan orang tidak berdaftar CBP);
- (b) cukai output ditaksir oleh JKDM kerana kesalahan mengaplikasikan kadar sifar atau pengecualian untuk pembekalan berkadar standard; atau
- (c) cukai output ditaksir oleh JKDM ke atas cukai output yang dikaitkan kepada jualan yang terkurang lapor.

6.3.2 Pelarasan berhubung dengan 6.3.1 (a) dan (b) tidak memberi impak kepada cukai pendapatan menurut perenggan 39(1)(p) ACP. Walau

bagaimanapun, pelarasan berkaitan 6.3.1 (c) akan mengakibatkan taksiran atau taksiran tambahan ke atas pendapatan perniagaan yang terkurang lapor di bawah seksyen 91 ACP dan penalti boleh dikenakan di bawah seksyen 113 atau seksyen 114 ACP.

7. Layanan Cukai Pendapatan bagi Perbelanjaan Cukai Barang dan Perkhidmatan yang Dilakukan atas Perolehan Barang dan Perkhidmatan

7.1 Pada asasnya, layanan cukai untuk CBP yang dibayar atau perlu dibayar sebagai cukai input ke atas perolehan barang atau perkhidmatan oleh seseorang bergantung sama ada—

- (a) pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat oleh orang itu, yang mana perolehan dikaitkan kepada pembekalan bercukai atau pembekalan dikecualikan; dan
- (b) seseorang yang berdaftar di bawah ACBP atau bertanggung untuk berdaftar di bawah ACBP tetapi gagal berbuat demikian atau tidak bertanggung untuk berdaftar bagi CBP.

7.2 Seorang orang berdaftar CBP yang menanggung CBP atas pembelian atau perolehan barang dan perkhidmatan untuk tujuan membuat pembekalan bercukai layak menuntut CBP daripada JKDM. Orang tersebut berhak mengkredit CBP sebagai cukai input kredit. Kredit cukai input ini, sekiranya melebihi cukai output bagi tempoh bercukai, boleh dituntut sebagai bayaran balik daripada JKDM di bawah ACBP. Memandangkan orang berdaftar CBP layak membuat tuntutan daripada JKDM, CBP (cukai input) ini bukanlah sebahagian daripada kos perniagaan dan adalah suatu perbelanjaan yang tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(o) ACP.


7.3 Pembekalan dikecualikan adalah pembekalan barang dan perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada CBP (cukai output). Dalam kes seseorang yang menjalankan perniagaan membuat pembekalan dikecualikan, CBP yang dibayar atau perlu dibayar sebagai cukai input atas pembelian atau perolehan barang dan perkhidmatan tidak boleh dituntut daripada JKDM di bawah ACBP. Cukai input ini diserap sebagai kos perniagaan. **Secara amnya, cukai input yang dilakukan untuk membuat pembekalan dikecualikan akan diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP tetapi tertakluk kepada apa-apa larangan spesifik di bawah subseksyen 39(1) ACP.** Prinsip yang sama terpakai kepada cukai input disekat yang tidak boleh dituntut di bawah ACBP.

7.4 Dalam erti kata lain, CBP yang dilakukan atas pembekalan bercukai yang digunakan untuk membuat pembekalan dikecualikan **tidak boleh diberi potongan secara automatik** di bawah subseksyen 33(1) ACP. Kos pembelian atau perolehan untuk tujuan perniagaan yang mana dikaitkan kepada CBP yang dilakukan perlu diperiksa untuk menentukan sama ada kos tersebut dilarang potongan secara spesifik di bawah subseksyen 39(1) ACP. Jika tiada sekatan di bawah subseksyen 39(1) ACP, maka kos pembelian atau perolehan

yang digunakan untuk membuat pembekalan dikecualikan diberi potongan. Jika kos pembelian atau perolehan adalah perbelanjaan dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) ACP tetapi dilarang di bawah subseksyen 39(1) ACP seperti perbelanjaan peribadi atau domestik, atau perbelanjaan modal, sekatan atas bayaran sewa berkaitan kenderaan bermotor persendirian, perbelanjaan keraian dan lain-lain, CBP (cukai input) yang berkaitan dengan kos tersebut tidak boleh diberi potongan atau hanya sebahagiannya boleh diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP.

- 7.5 Prinsip yang sama yang disebutkan di atas terpakai juga kepada cukai input disekat yang tidak boleh dituntut di bawah ACBP.

Ringkasan Potongan Cukai Pendapatan bagi Cukai Input



Ilustrasi Layanan CBP dan Layanan Cukai Pendapatan

		Layanan CBP		
		Senario 1	Senario 2	Senario 3
Seperti Akaun Untung & Rugi		Pembekalan Berkadar Standard	Pembekalan Berkadar Sifar	Pembekalan Dikecualikan
RM		Cukai output (6%)	Cukai output (0 %)	Cukai output
Jualan	800,000	48,000	0	Tidak terpakai
Tolak: perbelanjaan		Cukai input (6%)	Cukai input (6%)	Cukai input (6%)
Belian ²	20,000	1,200	1,200	1,200
Utiliti	5,000	300	300	300
Sewa pejabat	30,000	1,800	1,800	1,800
Gaji	60,000	-	-	-
Jumlah cukai input		3,300	3,300	3,300
CBP bersih (cukai output – cukai input)		44,700³	(3,300)⁴	(3,300)⁵
		Kena dibayar kepada JKDM	Bayaran balik daripada JKDM	Tidak boleh dituntut daripada JKDM
		Layanan Cukai Pendapatan		
		Cukai input yang dilakukan berjumlah RM3,300 tidak boleh diberi potongan – perenggan 39(1)(o) ACP	Cukai input yang dilakukan berjumlah RM3,300 tidak boleh diberi potongan – perenggan 39(1)(o) ACP	Cukai input dilakukan berjumlah RM3,300 diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP sekiranya tidak dilarang secara spesifik di bawah subseksyen 39(1) ACP

Sila rujuk Lampiran 1 untuk ringkasan kredit CBP dan layanan cukai pendapatan.

Nota:

²Adalah diandaikan bahawa tiada stok tidak dijual atau stok di bawa ke hadapan.

³Amaun akan ditunjukkan dalam Kunci Kira-Kira di bawah Amaun kena dibayar kepada Kastam.

⁴Amaun akan ditunjukkan dalam Kunci Kira-Kira di bawah Amaun kena dibayar oleh Kastam.

⁵Amaun akan ditunjukkan dalam akaun Untung dan Rugi.

7.6 Kredit CBP dan layanan cukai pendapatan bagi orang berdaftar CBP yang membuat pembekalan bercukai

Contoh 1 - Orang berdaftar CBP membuat pembekalan berkadar standard

D'one Sdn Bhd berdaftar dengan JKDM pada 1.4.2015. Syarikat membeli stok berjumlah RM64,000 untuk tujuan membuat pembekalan bercukai (berkadar standard) dan dikenakan CBP sebanyak RM3,840. Syarikat membuat bayaran sebanyak RM67,840 termasuk CBP kepada pembekal.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	D'one Sdn Bhd berhak mengkredit CBP yang dibayar berjumlah RM3,840 sebagai kredit cukai input. Kredit cukai input boleh dituntut daripada JKDM.
ACP	CBP yang dilakukan adalah perbelanjaan yang tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(o) ACP.

Contoh 2 - Orang berdaftar CBP membuat pembekalan berkadar sifar

Sebuah kilang padi berdaftar CBP dikenakan CBP sebanyak RM600 ke atas pembelian bahan pembungkusan plastik, mesin kedap, mesin pencetak dan dakwat percetakan.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Kilang beras yang membuat pembekalan berkadar sifar berhak untuk mengkreditkan amaun CBP yang dibayar sebanyak RM600 sebagai kredit cukai input. Kredit cukai input ini boleh dituntut daripada JKDM.
ACP	CBP yang dilakukan adalah perbelanjaan yang tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(o) ACP.

7.7 Orang berdaftar CBP gagal menuntut kredit cukai input

Seorang orang berdaftar CBP yang telah menanggung CBP mungkin gagal atau memilih untuk tidak menuntut apa-apa kredit cukai input di bawah ACBP atas pelbagai sebab. Antaranya ialah sebab pentadbiran yang mana CBP yang ditanggung adalah terlalu kecil atau syarikat tidak mempunyai invois cukai yang sah atau tersalah letak invois cukai yang sah. Jika orang yang berhak untuk mengkredit CBP yang dibayar atau perlu dibayar sebagai kredit cukai input tetapi gagal untuk membuat tuntutan daripada JKDM, CBP yang dilakukan bukanlah perbelanjaan yang boleh diberi potongan di bawah perenggan 39(1)(o) ACP.

Contoh 3 - Orang berdaftar CBP gagal menuntut cukai input

Fakta yang sama seperti di Contoh 1 dan D'one Sdn Bhd gagal menuntut CBP yang dibayar sebagai cukai input daripada JKDM walaupun syarikat itu layak menuntut kredit cukai input.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	D'one Sdn Bhd berhak untuk mengkredit CBP dibayar berjumlah RM3,840 sebagai kredit cukai input tetapi gagal untuk menuntut kredit cukai input daripada JKDM.
ACP	CBP yang dilakukan adalah perbelanjaan yang tidak boleh diberi potongan di bawah perenggan 39(1)(o) ACP.

7.8 Kredit CBP dan layanan cukai pendapatan bagi seseorang selepas beliau bertanggung untuk berdaftar

7.8.1 Seseorang yang membuat pembekalan bercukai yang tidak melebihi nilai ambang yang ditetapkan tidak perlu mendaftar untuk CBP di bawah ACBP. Orang tersebut tidak berhak untuk mengkreditkan CBP yang dibayar atau perlu dibayar atas pembeliannya sebagai kredit cukai input dan mengenakan cukai output atas pembekalannya. Orang tersebut boleh menuntut CBP yang dilakukan sebagai suatu potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP jika tidak tertakluk kepada mana-mana larangan spesifik di bawah subseksyen 39(1) ACP.

7.8.2 Apabila jumlah nilai pembekalan bercukai seseorang (tidak termasuk jumlah CBP yang dibayar sebagai cukai output) melebihi nilai ambang yang ditetapkan untuk tempoh dua belas (12) bulan, orang itu bertanggung untuk berdaftar bagi CBP.

Contoh 4 - Tuntutan CBP selepas seseorang bertanggung untuk berdaftar CBP

Pada 1.4.2015, LOL Enterprise, sebuah syarikat yang membuat pembekalan berkadar standard tidak berdaftar dengan JKDM kerana perolehannya tidak mencapai nilai ambang RM500,000 untuk tempoh 12 bulan. Syarikat membeli stok dengan CBP dikenakan dan syarikat tidak layak menuntut kredit cukai input daripada JKDM.

Pada 1.6.2015, syarikat berdaftar dengan JKDM apabila mencapai nilai ambang yang ditetapkan. Untuk stok yang belum dijual pada 1.6.2015, syarikat layak menuntut kredit cukai input daripada JKDM.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	1.4.2015 hingga 31.5.2015 LOL Enterprise tidak berhak untuk mengkredit CBP yang dibayar atau perlu dibayar sebagai kredit cukai input untuk tempoh tersebut kerana syarikat tidak berdaftar untuk CBP. Pada 1.6.2015 Apabila LOL Enterprise berdaftar di bawah ACBP, syarikat layak untuk menuntut kredit cukai input daripada JKDM atas belian stok yang masih belum dijual pada 1.6.2015.
ACP	1.4.2015 hingga 31.5.2015 Oleh kerana LOL Enterprise tidak bertanggung untuk berdaftar CBP dan tidak berhak untuk mengkredit CBP yang dibayar atau perlu dibayar sebagai kredit cukai input bagi tempoh tersebut, CBP yang dilakukan ke atas belian stok yang telah dijual adalah perbelanjaan yang boleh diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP. Pada 1.6.2015 Kredit cukai input yang boleh dituntut bagi stok yang belum dijual di bawah ACBP adalah perbelanjaan yang tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(o) ACP.

- 7.9 Kredit CBP dan layanan cukai pendapatan bagi seseorang yang bertanggung untuk berdaftar tetapi gagal berbuat demikian

Contoh 5 - Perolehan barang oleh seseorang yang bertanggung untuk berdaftar CBP tetapi gagal berbuat demikian

Fakta adalah sama seperti di Contoh 4 kecuali LOL Enterprise tidak berdaftar dengan JKDM pada 1.6.2015 walaupun syarikat bertanggung untuk berdaftar.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	1.4.2015 hingga 31.5.2015 LOL Enterprise tidak berhak untuk mengkredit CBP yang dibayar atau akan dibayar sebagai kredit cukai input untuk tempoh tersebut kerana syarikat tidak bertanggung untuk berdaftar CBP. Pada 1.6.2015 Walaupun tidak berdaftar dengan JKDM, LOL Enterprise adalah orang kena cukai di bawah ACBP berkuat kuasa 1.6.2015. Syarikat layak menuntut kredit cukai input atas barang bercukai yang diperolehi pada atau selepas 1.6.2015, sekiranya syarikat telah berdaftar.
ACP	1.4.2015 untuk 31.5.2015 Oleh kerana LOL Enterprise tidak bertanggung untuk berdaftar CBP dan tidak berhak untuk mengkredit CBP yang dibayar atau perlu dibayar sebagai cukai input bagi tempoh tersebut, CBP yang dilakukan ke atas stok yang dijual adalah perbelanjaan yang boleh diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP. Pada 1.6.2015 LOL Enterprise layak untuk menuntut kredit cukai input di bawah ACBP jika ia telah mendaftar sebagai orang kena cukai. Oleh yang demikian, apa-apa CBP yang dilakukan pada atau selepas tarikh tersebut adalah perbelanjaan yang tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(o) ACP.

7.10 Kredit CBP dan layanan cukai pendapatan bagi seseorang yang berdaftar CBP secara sukarela

Contoh 6 - Pendaftaran CBP secara sukarela

Afiq, seorang pengusaha gerai burger tidak bertanggung untuk mendaftar CBP kerana jualan beliau tidak mencapai nilai ambang yang ditetapkan. Dia membuat permohonan bagi pendaftaran secara sukarela dan telah diluluskan. Kini, Afiq perlu mengenakan cukai output atas jualan burgernya dan dia layak menuntut kredit cukai input atas belian di bawah ACBP. Dia membeli 50 bungkus patti burger untuk gerai burgernya daripada sebuah syarikat berdaftar CBP dengan kos RM530 termasuk CBP RM30.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Oleh kerana Afiq adalah orang berdaftar CBP, dia layak untuk menuntut kredit cukai input berjumlah RM30 daripada JKDM atas belianya.
ACP	CBP yang dilakukan berjumlah RM30 adalah perbelanjaan yang tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(o) ACP.

7.11 Kredit CBP dan layanan cukai pendapatan bagi seseorang yang membuat pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan

7.11.1 Seseorang yang membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan dikenali sebagai pembekal bercampur (contohnya seperti pemaju hartanah, syarikat insurans, penyedia lebuhraya, institusi pengajian awam dan swasta, penyedia perkhidmatan kesihatan swasta dan bank perdagangan). Seorang pembekal bercampur akan menanggung baki cukai input (kos overhead am seperti caj utiliti, yuran profesional, sewa, alat tulis, computer dan perkhidmatan penyelenggaraan) dalam perjalanan atau penerusan perniagaannya. Baki cukai input dilakukan apabila barang dan perkhidmatan digunakan untuk membuat pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan. Hanya bahagian baki cukai input yang berkaitan dengan pembekalan bercukai boleh dituntut di bawah ACBP. Kaedah pembahagian adalah dengan menggunakan kaedah pembahagian standard (berdasarkan perolehan) atau apa-apa kaedah alternatif (dengan kelulusan daripada Ketua Pengarah Kastam terlebih dahulu).

7.11.2 Seorang pembekal bercampur boleh menuntut kesemua amaun baki cukai input yang ditanggung, dan juga apa-apa CBP (cukai input)

yang dikaitkan kepada pembekalan dikecualikan, jika amaun pembekalan dikecualikan memenuhi kaedah *de minimis*.

Kaedah *de minimis* bermakna jika dalam suatu tempoh bercukai (bulanan atau suku tahunan), jumlah nilai pembekalan dikecualikan tidak termasuk pembekalan kewangan dikecualikan yang bersampingan tidak melebihi:

- (a) purata RM5,000 sebulan; dan
- (b) amaun 5% daripada jumlah keseluruhan nilai pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan

CBP (cukai input) yang dilakukan ke atas pembekalan dikecualikan hendaklah dianggap sebagai dikaitkan kepada pembekalan bercukai.

Contoh 7 - Seorang orang berdaftar CBP membuat pembekalan bercampur dan kaedah *de minimis* dipenuhi untuk pembekalan dikecualikan

Sun Sdn Bhd, sebuah syarikat berdaftar CBP membuat pembekalan berikut pada bulan Januari 2016:

Tempoh bercukai	-	Bulanan
Nilai pembekalan bercukai	-	RM100,000
Cukai input berkaitan dengan pembekalan bercukai	-	RM3,000
Nilai pembekalan dikecualikan	-	RM4,000
Cukai input yang dikaitkan kepada pembekalan dikecualikan	-	RM200
Baki cukai input (utiliti, sewa dll)	-	RM1,000

Bahagian pembekalan dikecualikan daripada keseluruhan pembekalan dikira seperti berikut:

$$\frac{4,000 \text{ (Pembekalan dikecualikan)}}{104,000 \text{ (Pembekalan dikecualikan dan bercukai)}} \times 100\% = 3.85\%$$

Kaedah *de minimis* dipenuhi.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Sun Sdn Bhd layak menuntut kredit cukai input bagi pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan kerana kaedah <i>de minimis</i> dipenuhi. Jumlah kredit cukai input yang boleh dituntut daripada JKDM adalah RM4,200 (3,000 + 200 + 1,000).
ACP	CBP (cukai input) yang dilakukan adalah perbelanjaan yang tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(o) ACP.

7.11.3 Jika baki cukai input telah dilakukan, suatu tuntutan atas jumlah penuh tidak mungkin dibuat (kecuali kaedah *de minimis* terpakai). Tuntutan untuk baki cukai input dalam suatu tempoh bercukai adalah sementara. Pada akhir suatu tahun cukai atau tempoh yang lebih panjang, suatu pelarasan tahunan perlu dibuat berdasarkan kepada formula sama yang digunakan bagi setiap tempoh bercukai sepanjang tahun cukai itu tetapi angka-angka yang digunakan adalah untuk sepanjang tahun. Pelarasan adalah perlu untuk menentukan -

- (a) suatu potongan cukai input yang berlebihan disebabkan oleh turun naik bahagian pembekalan dari suatu tempoh ke tempoh lain dan ini dianggap sebagai cukai output bagi tempoh bercukai kedua dalam tahun cukai berikutnya; atau
- (b) suatu potongan cukai input yang terkurang dan ini dianggap sebagai kredit cukai input bagi tempoh bercukai kedua dalam tahun cukai berikutnya.

Pada amnya, suatu tahun cukai terdiri daripada 12 bulan kalendar dan sepadan dengan tahun kewangan seseorang kena cukai.

Contoh 8 Seorang orang berdaftar CBP membuat pembekalan bercampur dan kaedah *de minimis* tidak dipenuhi untuk pembekalan dikecualikan

Echo Sdn Bhd, suatu syarikat berdaftar CBP membuat pembekalan berikut dalam suku tahun pertama:

Tempoh bercukai	-	Suku tahun
Pembekalan bercukai	-	RM400,000
Cukai input berkaitan dengan		

pembekalan bercukai	-	RM6,000
Pembekalan dikecualikan	-	RM16,000
Cukai input berkaitan dengan pembekalan dikecualikan	-	RM300
Baki cukai input (utiliti, sewa dll)	-	RM1,000

Bahagian pembekalan dikecualikan daripada keseluruhan pembekalan dikira seperti berikut:

$$\frac{16,000 \text{ (Pembekalan dikecualikan)}}{416,000 \text{ (Pembekalan dikecualikan dan bercukai)}} \times 100\% = 3.85\%$$

Walaupun pembekalan dikecualikan tidak melebihi 5% daripada keseluruhan pembekalan bercukai dan dikecualikan, ia melebihi purata RM5,000 sebulan. Oleh itu, kaedah *de minimis* tidak dipenuhi.

Baki cukai input yang boleh dituntut daripada JKDM -

$$\frac{400,000}{416,000} \times 100\% \times RM1,000 = RM961.50$$

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Echo Sdn Bhd tidak layak menuntut kredit cukai input untuk pembekalan dikecualikan kerana kaedah <i>de minimis</i> tidak penuhi. Amaun kredit cukai input yang boleh dituntut daripada pihak JKDM adalah RM6,961.50 (6,000 + 961.50) atas pembekalan bercukai.
ACP	Cukai input yang dilakukan berjumlah RM338.50 [cukai input berkaitan dengan pembekalan dikecualikan berjumlah RM300 dan baki cukai input berkaitan dengan pembekalan dikecualikan berjumlah RM38.50 (1,000 – 961.50)] untuk tujuan membuat pembekalan dikecualikan adalah perbelanjaan yang boleh diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP, jika kos pembekalan dikecualikan yang mana CBP (cukai input) berkaitan tidak dilarang secara spesifik di bawah subseksyen 39(1) ACP, tertakluk kepada kesan pelarasan tahunan apabila jumlah sebenar kredit cukai input yang tidak boleh dituntut daripada JKDM diketahui.

7.12 Kredit CBP dan layanan cukai pendapatan bagi cukai input disekat

- 7.12.1 Kredit berkenaan dengan CBP atas cukai input bagi perolehan barang dan perkhidmatan tertentu adalah dilarang secara spesifik. Pada amnya, perniagaan akan menanggung CBP apabila memperoleh barang dan perkhidmatan itu tetapi tiada kredit boleh didapati bagi cukai input tersebut iaitu tidak boleh dituntut daripada JKDM. Apa-apa cukai input yang tidak dapat diperoleh semula adalah dirujuk sebagai cukai input disekat.
- 7.12.2 Barang dan perkhidmatan yang ditetapkan untuk cukai input disekat telah dinyatakan dalam perundangan CBP yang berkaitan. Tiada kredit boleh didapati bagi cukai input yang ditanggung berhubung dengan berikut:
- (a) pembekalan atau pengimportan motokar penumpang;
 - (b) pembekalan barang dan perkhidmatan berkaitan dengan pembaikan, penyelenggaraan dan baik pulih motokar penumpang;
 - (c) sewaan motokar penumpang;
 - (d) yuran langganan kelab;
 - (e) apa-apa bayaran atau sumbangan kepada mana-mana insurans perubatan dan perlindungan kemalangan peribadi;
 - (f) perbelanjaan perubatan;
 - (g) manfaat keluarga; dan
 - (h) perbelanjaan keraian kepada seseorang selain daripada pekerja atau pelanggan yang sedia ada kecuali perbelanjaan keraian yang dilakukan oleh seseorang yang terlibat dalam perniagaan menyediakan hiburan.

Sila rujuk kepada Lampiran 2 untuk ringkasan kredit CBP dan layanan cukai pendapatan.

Contoh 9 - CBP yang ditanggung oleh seorang orang berdaftar CBP atas motokar penumpang yang disewa untuk tujuan perniagaan terjatuh di bawah cukai input disekat

Sebuah syarikat berdaftar CBP menyewa 2 buah motokar penumpang untuk kegunaan pengarah dan pekerjaanya. CBP yang dibayar bagi caj penyewaan tidak boleh dituntut sebagai kredit cukai input di bawah ACBP.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Syarikat berdaftar CBP tidak berhak mengkredit amaun CBP yang dibayar atau perlu dibayar sebagai kredit cukai input kerana ia terjatuh di bawah cukai input disekat.
ACP	Oleh kerana kedua-dua motokar penumpang yang dipajak digunakan untuk tujuan perniagaan, CBP yang dilakukan adalah perbelanjaan yang boleh diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP. Walau bagaimanapun, jumlah kumulatif bagi potongan bayaran sewa pajak dan cukai input adalah terhad di bawah perenggan 39(1)(k) ACP.

Contoh 10 - CBP yang ditanggung atas langgangan keahlian kelab oleh orang berdaftar CBP terjatuh di bawah cukai input disekat

Sebuah syarikat berdaftar CBP menanggung CBP atas keahlian korporat di sebuah kelab golf untuk pengarah, pengurus besar dan eksekutif kanan syarikat. Keahlian didaftarkan atas nama syarikat.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Syarikat tidak berhak untuk mengkredit CBP yang dibayar atau perlu dibayar bagi cukai input disekat.
ACP	CBP yang dilakukan atas keahlian golf adalah perbelanjaan yang boleh diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP.

Contoh 11 - CBP yang ditanggung atas keraian yang diberikan kepada bakal pelanggan oleh orang berdaftar CBP terjatuh di bawah cukai input disekat

Seorang eksekutif pemasaran sebuah syarikat perdagangan berdaftar CBP meraikan bakal pelanggan dengan makan tengah hari di sebuah hotel untuk mempromosikan produk baharu syarikat.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Syarikat tidak berhak untuk mengkredit CBP yang dibayar atau perlu dibayar bagi cukai input disekat.
ACP	Perbelanjaan yang dilakukan atas makan tengah hari adalah perbelanjaan keraian. Walau bagaimanapun, keraian yang diberikan kepada bakal pelanggan bukan kesemuanya dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan kasar di bawah subseksyen 33(1) ACP. Tiada potongan dibenarkan untuk perbelanjaan keraian dan CBP yang dilakukan atas makan tengah hari. Sila rujuk kepada KU No. 4/2015 untuk maklumat lanjut.

Contoh 12 - Cukai input yang ditanggung atas keraian yang diberikan kepada pelanggan sedia ada oleh orang berdaftar CBP tidak terjatuh di bawah cukai input disekat

Fakta sama seperti Contoh 11 dan eksekutif pemasaran sebuah syarikat perdagangan berdaftar CBP meraikan pelanggan syarikat yang sedia ada dengan makan tengah hari di sebuah hotel untuk mempromosikan produk baharu syarikat.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Syarikat berhak mengkredit CBP yang dibayar atau akan dibayar sebagai kredit cukai input atas makan tengah hari untuk mempromosikan produk baharu syarikat kepada pelanggan yang sedia ada.
ACP	CBP yang dilakukan adalah perbelanjaan yang tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(o) ACP.

Contoh 13 - CBP yang dilakukan oleh orang berdaftar CBP atas kereta yang merupakan sebahagian stok perniagaan tidak terjatuh di bawah cukai input disekat

Seorang peniaga kereta yang berdaftar CBP mengimport dan juga membeli motokar daripada pengilang tempatan. Motokar adalah sebahagian daripada stok perdagangan pengilang kereta atau peniaga kereta.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Sebagai pengecualian kepada peraturan biasa, peniaga kereta adalah berhak untuk mengkredit CBP yang dibayar atau perlu dibayar sebagai kredit cukai input ke atas pembelian kereta sebagai stok perdagangan.
ACP	CBP yang dilakukan adalah perbelanjaan yang tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(o) ACP.

- 7.13 Kredit CBP dan layanan cukai pendapatan bagi pelarasan yang dibuat kepada cukai input di bawah ACBP

Contoh 14 - Kesilapan dalam tuntutan kredit cukai input di bawah ACBP

Sebuah syarikat berdaftar CBP menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Pada tahun taksiran 2015, syarikat membuat bayaran bagi penginapan hotel yang dilakukan oleh pengarah urusan syarikat untuk tujuan perniagaan.

Dalam pengiraan cukai bagi tahun taksiran 2015, syarikat hanya menuntut bayaran hotel tanpa mengambil kira CBP sebagai potongan cukai di bawah ACP. Syarikat menuntut kredit cukai input daripada JKDM.

Pada tahun 2016, JKDM menjalankan audit dan tidak membenarkan tuntutan kredit cukai input syarikat kerana invois cukai bukan atas nama syarikat tetapi atas nama pengarah urusan. Satu penalti telah dikenakan oleh JKDM.

CBP (cukai input) ini bukanlah perbelanjaan yang boleh diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP bagi tahun taksiran 2015 memandangkan syarikat layak untuk mengkreditkan cukai input di bawah ACBP jika invois cukai berhubung dengan penginapan hotel pengarah urusan adalah atas

nama syarikat. Syarikat boleh meminta hotel untuk mengeluarkan invois cukai atas nama syarikat.

Penalti yang dikenakan oleh JKDM atas kesilapan pembayar cukai tersebut juga bukan perbelanjaan yang boleh diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP kerana ia tidak dilakukan sepenuhnya dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan kasar syarikat.

7.14 Invois cukai dipermudahkan dan layanan cukai pendapatan

- 7.14.1 Setiap orang berdaftar CBP yang membuat pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai dikehendaki mengeluarkan suatu invois cukai. Invois cukai adalah suatu dokumen yang mengandungi beberapa maklumat tertentu berkaitan pembekalan yang telah dibuat dan merupakan bukti yang penting untuk menyokong suatu tuntutan cukai input.
- 7.14.2 Di bawah keadaan tertentu, seorang orang berdaftar CBP boleh memohon kepada Ketua Pengarah Kastam untuk mendapatkan kelulusan bagi mengeluarkan invois cukai dipermudahkan dalam urusan perniagaan beliau. Invois cukai dipermudahkan boleh digunakan untuk menuntut kredit cukai input. Walau bagaimanapun, jika invois ini tidak mempunyai nama dan alamat penerima, amaun kredit cukai input maksimum yang boleh dituntut tidak boleh melebihi RM30. Jika jumlah CBP dalam invois cukai dipermudahkan adalah lebih daripada RM30 dan penerima ingin menuntut jumlah penuh, dia hendaklah meminta supaya nama dan alamatnya dimasukkan dalam invois cukai.

Contoh 15 - Invois cukai dipermudahkan

Seorang orang berdaftar CBP adalah pemilik sebuah restoran. Dia memperolehi pembekalan untuk restoran daripada sebuah pasar raya, dan diberi invois cukai dipermudahkan dengan CBP berjumlah RM50.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	Pemilik perniagaan layak menuntut kredit cukai input sebanyak RM30 daripada JKDM jika invois cukai dipermudahkan dikemukakan. Dia layak menuntut keseluruhan amaun RM50 sebagai kredit cukai input jika dia meminta pasar raya tersebut untuk memasukkan nama dan alamatnya ke dalam invois cukai.
ACP	Keseluruhan CBP yang dilakukan berjumlah

	RM50 adalah perbelanjaan yang tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(o) ACP. Nota: Dalam pengiraan cukai, biasanya RM20 ditambah balik kerana RM30 tidak akan dicajkan kepada akaun Untung Rugi.
--	---

8. Cukai Output

Layanan cukai CBP yang ditanggung oleh seseorang atas pembekalan yang disifatkan

Cukai output adalah CBP yang dikenakan ke atas jualan kepada pengguna dan dipungut oleh pembekal bagi pihak JKDM. Jika cukai output yang dibayar atau perlu dibayar ditanggung oleh orang berdaftar CBP atau seseorang yang bertanggung untuk berdaftar di bawah ACBP atas pembekalan yang disifatkan (barang dan perkhidmatan yang dibekalkan tanpa balasan), cukai output ini adalah perbelanjaan yang tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(p) ACP.

Contoh 16 - CBP (cukai output) atas hadiah percuma kepada pelanggan ditanggung oleh seorang orang berdaftar CBP

Sebuah syarikat berdaftar CBP menjual kereta import. Pada Julai 2016, syarikat melancarkan promosi jualan kereta hibrid. Semasa promosi dijalankan, 100 pelanggan pertama yang membuat tempahan kereta layak untuk cabutan bertuah. Antara hadiah cabutan bertuah ialah sebuah ipad mini.

Cukai output ke atas transaksi jualan kereta akan dikenakan seperti berikut:

	Kos RM	Cukai Output RM
Kereta Hibrid	120,000	7,200
Mini ipad (hadiah cabutan bertuah)	1,700	102
Jumlah	121,700	7,302

Ipad mini, sebuah hadiah cabutan bertuah dikira sebagai pembekalan yang disifatkan di bawah ACBP. Penerima hadiah tidak dikenakan CBP (cukai output) atas hadiah cabutan bertuah kerana ia telah diberikan secara percuma. Syarikat

perlu mengakaunkan CBP berjumlah RM102 atas pembekalan yang disifatkan ini, yang ditanggung oleh Syarikat. Pembeli kereta yang menerima iPad mini daripada cabutan bertuah dikenakan CBP sebanyak RM7,200 untuk kereta tersebut. Syarikat membayar jumlah CBP sebanyak RM7,302 (RM7,200 + 102) kepada JKDM.

CBP sebanyak RM7,200 bukanlah perbelanjaan syarikat kerana ia dipungut daripada pelanggan. CBP sebanyak RM102 untuk iPad mini yang ditanggung oleh syarikat adalah perbelanjaan yang tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(p) ACP.

Contoh 17 - Cukai output atas hadiah percuma kepada pelanggan ditanggung oleh seorang orang berdaftar CBP

Sebuah syarikat berdaftar CBP menjual produk elektrik. Pada bulan Oktober 2016, syarikat melancarkan promosi jualan dan mengiklankan bahawa CBP (cukai output) akan ditanggung oleh syarikat sebagai strategi pemasarannya. Seorang pelanggan telah membeli sebuah seterika stim turbo dan invois cukai dikeluarkan bagi RM1,000 termasuk CBP. Syarikat mengira CBP seperti berikut:

Harga x pecahan cukai

RM1,000 x 6/106 = RM56.60.

Cukai output berjumlah RM56.60 diremit kepada JKDM.

CBP sebanyak RM56.60, yang ditanggung oleh syarikat ini tidak boleh diberi potongan menurut perenggan 39(1)(p) ACP.

9. Mekanisma Caj Balikan bagi Perkhidmatan Import

9.1 Mekanisma Caj Balikan

9.1.1 Pada amnya, apabila pembekal tempatan membekalkan perkhidmatan, CBP (cukai output) dikenakan atas pembekalan bercukai yang dijual kepada penerima (pelanggan). Walau bagaimanapun, dalam kes di mana perkhidmatan yang sama diimport untuk tujuan mana-mana perniagaan, penerima pembekalan dikehendaki mengakaunkan CBP atas pembekalan yang diberi kepada beliau, iaitu liabiliti CBP beralih daripada pembekal kepada penerima. Ini dikenali sebagai mekanisme caj balikan.

9.1.2 Sekiranya penerima merupakan seseorang berdaftar CBP, beliau berhak menuntut kredit cukai input atas perkhidmatan jika perkhidmatan import digunakan untuk membuat pembekalan bercukai.

9.1.3 Sekiranya perkhidmatan import digunakan untuk membuat pembekalan dikecualikan, penerima berdaftar CBP tidak berhak menuntut CBP sebagai kredit cukai input.


-
- 9.1.4 Sekiranya perkhidmatan diimport digunakan untuk membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan, penerima berdaftar CBP perlu membahagikan CBP yang ditanggung dan menuntut bahagian CBP atas perkhidmatan import yang digunakan untuk membuat pembekalan bercukai.
- 9.1.5 Sekiranya penerima merupakan bukan seseorang berdaftar CBP dan perkhidmatan diimport digunakan untuk tujuan perniagaan sendiri, beliau hendaklah megakaunkan cukai output dan tidak berhak menuntut kredit cukai input.
- 9.1.6 Sekiranya pembekalan tidak dibuat untuk tujuan perniagaan, penerima tidak kena mengakaunkan CBP atas pembekalan diimport yang diterima. Sebagai contoh, seseorang individu menerima rekaan arkitek yang dibekalkan oleh arkitek asing untuk mereka rumah kediaman yang akan dibina bagi tujuan persendirian di Malaysia.
- 9.2 Kredit CBP dan layanan cukai pendapatan bagi seorang orang berdaftar CBP yang mengimport perkhidmatan untuk tujuan perniagaan

Contoh 18 - Seorang orang berdaftar CBP memperolehi perkhidmatan import untuk membuat pembekalan bercukai

AA Sdn Bhd, pemaju dan orang berdaftar CBP mempunyai projek di Malaysia dan Indonesia. Bangunan komersial bagi projek di kedua-dua negara telah direka oleh seorang arkitek dari negara Jerman dengan kos RM10 juta. Daripada rekod perakaunan yang disimpan oleh syarikat, telah ditentukan bahawa daripada RM10 juta, RM6 juta adalah berkaitan dengan perkhidmatan import yang digunakan di Malaysia.

AA Sdn Bhd, penerima perkhidmatan import dianggap sebagai membuat pembekalan perkhidmatan di Malaysia bagi tujuan perniagaan dan ia merupakan pembekalan bercukai. Memandangkan AA Sdn Bhd dianggap sebagai penerima yang membuat pembekalan perkhidmatan bercukai dalam satu mekanisma caj balikan, ia perlu mengakaunkan CBP (cukai output) bersamaan dengan RM360,000 (RM6 juta x 6%) dan pada masa yang sama ia layak menuntut amaun tersebut sebagai kredit cukai input daripada JKDM.

Senario di atas diringkaskan dalam gambar rajah berikut:



Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	AA Sdn Bhd berhak untuk mengkreditkan jumlah sebanyak RM360,000 sebagai kredit cukai input dan menolak daripada cukai output yang diakaunkan oleh syarikat. Oleh kerana kedudukan bersih adalah kosong, tiada bayaran balik daripada JKDM atau sebarang jumlah perlu dibayar kepada JKDM.
ACP	Memandangkan CBP (cukai output) yang diakaunkan boleh dikredit sebagai kredit cukai input dan dituntut daripada JKDM, ianya adalah perbelanjaan yang tidak boleh diberi menurut perenggan 39(1)(p) ACP.

9.3 Kredit CBP dan layanan cukai pendapatan bagi orang tidak berdaftar CBP yang mengimport perkhidmatan untuk tujuan perniagaan

Penerima yang bukan seorang orang berdaftar CBP (tidak bertanggung untuk berdaftar) yang menggunakan perkhidmatan import untuk tujuan

perniagaan beliau perlu mengakaunkan cukai output seperti yang ditentukan dan membuat bayaran kepada JKDM.

Contoh 19 - Seorang orang yang tidak berdaftar CBP memperoleh perkhidmatan import untuk membuat pembekalan bercampur

Fakta sama seperti di Contoh 18 kecuali AA Sdn Bhd tidak berdaftar untuk CBP kerana syarikat tidak bertanggung untuk mendaftar CBP dan syarikat membuat pembekalan bercampur. Syarikat dikehendaki mengakaunkan CBP (cukai output) dan membuat bayaran kepada JKDM.

Undang-Undang	Layanan Cukai
ACBP	AA Sdn Bhd tidak berhak untuk mengkreditkan amaun RM360,000 sebagai kredit cukai input untuk ditolak daripada cukai output yang diakaunkan.
ACP	Memandangkan AA Sdn Bhd adalah orang yang tidak berdaftar CBP, CBP yang diakaunkan di bawah mekanisme caj balikan adalah perbelanjaan yang boleh diberi potongan menurut subseksyen 33(1) ACP.

10. Isu-Isu Lain Berhubung Cukai Barang dan Perkhidmatan

Pelepasan hutang lapuk

Apabila seorang orang berdaftar CBP mengenakan CBP (cukai output) atas jualan barang dan perkhidmatan, apa-apa amaun CBP yang belum dibayar dan tidak dapat dipungut setelah semua usaha yang munasabah untuk memungut ia telah dilakukan akan menjadi hutang lapuk. Apabila orang itu tidak boleh memungut hutang berkaitan CBP, dia boleh menuntut pelepasan hutang lapuk bagi cukai output yang telah terdahulu diakaunkan dan dibayar kepada JKDM, tertakluk kepada kehendak dan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah ACBP.

Selaras dengan garis panduan CBP, pelepasan hutang lapuk berhubung CBP (cukai output) boleh dituntut jika pembekalan dibuat oleh seorang orang berdaftar CBP kepada orang berdaftar CBP yang lain. Jika pembekalan dibuat oleh seorang orang berdaftar CBP kepada orang yang tidak berdaftar CBP, pelepasan hutang lapuk tidak diberikan di bawah undang-undang ACBP.

CBP (cukai output) yang tidak boleh dipungut **tidak boleh** diberi potongan di bawah subseksyen 34(2) ACP kerana hutang tersebut tidak termasuk sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar bagi tahun taksiran yang berkenaan.

11. Dokumen yang Diperlukan

Seseorang yang membuat suatu tuntutan potongan cukai pendapatan bagi cukai input yang dilakukan tetapi tidak boleh dituntut di bawah ACBP perlu memastikan bahawa dokumen sokongan dan rekod yang diperlukan disimpan (jika berkenaan) bagi menyokong tuntutan tersebut. Antara dokumen yang perlu disimpan ialah:

- (a) penyata CBP (GST-03, GST-04);
- (b) invois cukai berkaitan;
- (c) pelarasan cukai input yang dibuat oleh JKDM;
- (d) laporan kod cukai yang diguna pakai dalam sistem perakaunan;
- (e) penyesuaian antara GST-03 dan penyata kewangan;
- (f) fail audit CBP; dan
- (g) dokumen lain yang berkaitan.

12. Perakuan

Sesetengah kandungan dalam KU ini berhubung dengan CBP telah diperoleh daripada panduan yang telah dikeluarkan oleh JKDM. Panduan tersebut boleh didapati daripada laman sesawang JKDM di www.gst.customs.gov.my.

13. Penolakan Tuntutan

Layanan CBP yang dinyatakan dalam contoh di KU hanya merupakan ilustrasi untuk rujukan bagi tujuan menerangkan layanan cukai pendapatan atas CBP. Ia adalah hak JKDM untuk menentukan layanan CBP di bawah ACBP.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

Lampiran 1

Kredit CBP dan Layanan Cukai Pendapatan

	Butiran	ACBP		ACP	
		Kredit Cukai Input yang Boleh Dituntut	Kredit Cukai Input yang tidak Boleh Dituntut	CBP (Cukai Input) Dilakukan Boleh Diberi Potongan *	CBP (Cukai Input) Dilakukan Tidak Boleh Diberi Potongan
1.	Orang Berdaftar CBP				
	(a) Pembekal bercukai sepenuhnya				
	(i) Berkadar Standard	✓			✓
	(ii) Berkadar Sifar	✓			✓
	(b) Pembekal bercampur				
	(i) Pembekalan bercukai	✓			✓
	(ii) Pembekalan Dikecualikan		✓	✓	
2.	Orang tidak bertanggung untuk berdaftar di bawah ACBP dan tidak berdaftar				
	(a) Pembekal bercukai sepenuhnya				
	(i) Berkadar Standard		✓	✓	
	(ii) Berkadar Sifar		✓	✓	
	(b) Pembekal bercampur				
	(i) Pembekalan bercukai		✓	✓	
	(ii) Pembekalan Dikecualikan		✓	✓	

	Butiran	ACBP		ACP	
		Kredit Cukai Input yang Boleh Dituntut	Kredit Cukai Input yang tidak Boleh Dituntut	CBP (Cukai Input) Dilakukan Boleh Diberi Potongan *	CBP (Cukai Input) Dilakukan Tidak Boleh Diberi Potongan
3.	Orang bertanggung untuk berdaftar di bawah ACBP tetapi gagal berbuat demikian				
	(a) Pembekal bercukai sepenuhnya				
	(i) Berkadar Standard		✓		✓
	(ii) Berkadar Sifar		✓		✓
	(b) Pembekal bercampur				
	(i) Pembekalan bercukai		✓		✓
	(ii) Pembekalan Dikecualikan		✓		✓
4.	Orang bertanggung untuk berdaftar di bawah ACBP tetapi lewat mendaftar				
	(a) Pembekal bercukai sepenuhnya				
	(i) Berkadar Standard	✓ (apabila berdaftar – dari tarikh bertanggung untuk berdaftar)	✓ (sebelum bertanggung untuk berdaftar)		✓
	(ii) Berkadar Sifar	✓ (apabila berdaftar – dari tarikh bertanggung untuk berdaftar)	✓ (sebelum bertanggung untuk berdaftar)		✓
	(b) Pembekal bercampur				
	(i) Pembekalan bercukai	✓ (apabila berdaftar – dari tarikh bertanggung untuk berdaftar)	✓ (sebelum bertanggung untuk berdaftar)		✓
	(ii) Pembekalan Dikecualikan		✓	✓ (selepas pendaftaran)	

Lampiran 2

Cukai Input Disekat dan Layanan Cukai Pendapatan

	Butiran	ACBP		ACP	
		Kredit Cukai Input yang Boleh Dituntut	Kredit Cukai Input yang tidak Boleh Dituntut	CBP (Cukai Input) Dilakukan Boleh Diberi Potongan [*]	CBP (Cukai Input) Dilakukan Tidak Boleh Diberi Potongan
1.	Orang Berdaftar CBP				
	(a) Pembekal bercukai sepenuhnya				
	(i) Berkadar Standard		✓	✓ (bahagian yang dikaitkan kepada kegunaan perniagaan)	
	(ii) Berkadar Sifar		✓	✓ (bahagian yang dikaitkan kepada kegunaan perniagaan)	
	(b) Pembekal bercampur				
	(i) Berkadar standard/Berkadar sifar		✓	✓ (bahagian yang dikaitkan kepada kegunaan perniagaan)	
	(ii) Pembekalan Dikecualikan		✓	✓ (bahagian yang dikaitkan kepada kegunaan perniagaan)	

	Butiran	ACBP		ACP	
		Kredit Cukai Input yang Boleh Dituntut	Kredit Cukai Input yang tidak Boleh Dituntut	CBP (Cukai Input) Dilakukan Boleh Diberi Potongan [*]	CBP (Cukai Input) Dilakukan Tidak Boleh Diberi Potongan
2.	Orang tidak bertanggung untuk berdaftar di bawah ACBP dan tidak berdaftar				
	(a) Pembekal bercukai sepenuhnya				
	(i) Berkadar Standard		✓	✓ (bahagian yang dikaitkan kepada kegunaan perniagaan)	
	(ii) Berkadar Sifar		✓	✓ (bahagian yang dikaitkan kepada kegunaan perniagaan)	
	(b) Pembekal bercampur				
	(i) Berkadar standard / berkadar sifar		✓	✓ (bahagian yang dikaitkan kepada kegunaan perniagaan)	
	(ii) Pembekalan Dikecualikan		✓	✓ (bahagian yang dikaitkan kepada kegunaan perniagaan)	
3.	Orang bertanggung untuk berdaftar di bawah ACBP tetapi gagal berbuat demikian				
	(a) Pembekal bercukai sepenuhnya				
	(i) Berkadar Standard		✓		✓
	(ii) Berkadar Sifar		✓		✓
	(b) Pembekal bercampur				
	(i) Berkadar standard / berkadar sifar		✓		✓

	Butiran	ACBP		ACP	
		Kredit Cukai Input yang Boleh Dituntut	Kredit Cukai Input yang tidak Boleh Dituntut	CBP (Cukai Input) Dilakukan Boleh Diberi Potongan *	CBP (Cukai Input) Dilakukan Tidak Boleh Diberi Potongan
4.	Orang bertanggung untuk berdaftar di bawah ACBP tetapi lewat mendaftar				
	(a) Pembekal bercukai sepenuhnya				
	(i) Berkadar Standard		✓	✓ (selepas pendaftaran – bahagian yang dikaitkan kepada kegunaan perniagaan)	✓ (sepanjang tempoh bertanggung untuk berdaftar tetapi tidak berdaftar)
	(ii) Berkadar Sifar		✓	✓ (selepas pendaftaran – bahagian yang dikaitkan kepada kegunaan perniagaan)	✓ (sepanjang tempoh bertanggung untuk berdaftar tetapi tidak berdaftar)
	(b) Pembekal bercampur				
	(i) Berkadar standard / berkadar sifar		✓	✓ (selepas pendaftaran – bahagian yang dikaitkan kepada kegunaan perniagaan)	✓ (sepanjang tempoh bertanggung untuk berdaftar tetapi tidak berdaftar)
	(ii) Pembekalan Dikecualikan		✓	✓ (selepas pendaftaran – bahagian yang dikaitkan kepada kegunaan perniagaan)	✓ (sepanjang tempoh bertanggung untuk berdaftar tetapi tidak berdaftar)

Nota:

CBP yang dilakukan boleh diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP jika kos perolehan yang mana dikaitkan kepada CBP (cukai input) adalah sepenuhnya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar dan tidak dilarang oleh mana-mana peruntukan di bawah subseksyen 39(1) ACP.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI ATAS CUKAI
BARANG DAN PERKHIDMATAN
BAHAGIAN I - PERBELANJAAN**

**Ketetapan Umum No. 1/2017
Tarikh Penerbitan: 8 Jun 2017**